

# Kawasan mendap ditambak

*Kanvas dipasang elak hakisan mendapan di Kampung Baru membesar*

## HIDAYAH HAIROM

**KUALA LUMPUR** - Kerja baik pulih mendapan di Jalan Syed Mahadi, Kampung Baru di sini dalam peringkat pelaksanaan bagi mengelakkan berlaku hakisan lebih teruk.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi berkenaan semalam mendapati, sebahagian kecil mendapan sudah ditambak dengan tanah membolehkan satu jalan kecil dilalui penduduk.

Bahagian yang terhakis berhampiran dengan sebuah rumah dua tingkat di situ juga dipasang kanvas sebagai langkah mengelakkan hakisan lebih besar.

Bagaimanapun, tiada sebarang jentera pembinaan didapati di tapak berkenaan ketika tinjauan dilakukan.

Seorang penduduk, Mohd Azhar Mohd Aris, 42, berkata, dia tidak pasti berhubung kerja membaiki pulih mendapan tersebut kerana tidak berada di rumah.

Namun katanya, sepanjang semalam (sebelum jam 12 tengah hari), dia tidak melihat sebarang jentera mahupun kerja dilakukan.

"Yang saya sedar, sepanjang hari ini (semalam), belum ada sebarang kerja dilakukan.

"Saya bergilir-gilir tinggal di rumah di sini dan juga rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang diperuntukkan, kerana saya merupakan mangsa mula-mula kejadian mendapan di sini pada tahun lalu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ketika tinjauan tersebut

juga, hanya seorang pekerja kontraktor yang berada di tapak berkenaan dan mengatakan dia sedang menunggu bahan pembinaan tiba untuk meneruskan kerja membaiki pulih kawasan terjejas.

Katanya, dia difahamkan kerja baik pulih di situ sudah dilaksanakan sejak dua hari lalu.

"Hari ini hari pertama saya kerja, setakat ini belum ada sebarang jentera yang masuk. Sekarang saya sedang tunggu barang datang untuk dimasukkan ke dalam tempat mendapan," katanya.

Isnin lalu, *Sinar Harian* melaporkan kenyataan daripada Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPSWPKL), Abu Bakar Mohd Yusof yang menyatakan kerja



**Salah seorang pekerja di lokasi mendapan sedang menjalankan kerja-kerja membaiki pulih selepas JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memperoleh kebenaran daripada penduduk.**

baik pulih akan dimulakan Rabu (semalam) setelah mendapat persetujuan daripada

penduduk.

Katanya, kerja membaiki tanah mendap itu merupakan

pelan jangka masa pendek dan dijangka mengambil masa kira-kira dua bulan setengah.